

# KAMPUNG BANGI

MEMASYARAKATKAN BUDAYA TEKNOLOGI MAKLUMAT


## SEJARAH KAMPUNG BANGI

*Posted on December 12, 2016*

Pekan ini dibuka awal abad ke-20 kemungkinan pada tahun 1906, dengan terdapat 18 buah kedai-kedai orang Melayu seperti Kedai Songkok dan Capal, kedai kopi, kedai Candu, kedai timah, kedai getah dan sebagainya. Pekan ini pernah mengalami satu kebakaran yang besar namun telah dibangunkan semula oleh Kerajaan Inggeris dan kontraktor Cina pada sekitar 1930an. Setelah itu peniaga keturunan Cina pula mula menguasai perniagaan di pekan ini. Medan MARA Bangi pula dibangunkan pada awal 80an bertujuan membantu peniaga Bumiputera berniaga.

Dikatakan diambil daripada perkataan 'bangai' yang bermaksud terbuang atau yang

### Lokasi



Alamat Kampung Bangi:

KAMPONG  
BANGI, 43000  
KAJANG,  
SELANGOR

disingkirkan, perkara ini pernah dicerita oleh Allahyarhamah Hjh Yang Bte Hj Jamil (1928-2008) iaitu anak kepada Daeng Jamil yang merupakan cucu kepada Daeng Abdul Ghani iaitu anak kepada Sultan Abdul Samad. Dikatakan dalam masa-masa berlakunya pertelingkahan di Istana Klang, sebahagian dari warga istana telah dihalau oleh pihak Istana keluar. (Daeng Jamil lari ke Johor kerana menyaksikan masalah-masalah ini kemudian menetap di Tanjung Selabu, Muar). Mereka yg dihalau dari Istana telah ditempatkan ke sebelah tenggara Selangor di Daerah Hulu Langat.

Tempat itu lalu dikenali sebagai tempat orang-orang istana yang terbangai atau terbuang, tersingkir. British pula mengeja dalam huruf ruminya "Bangi" iaitu terjemahan daripada huruf-huruf jawi dibaca sebagai 'Bangi'. Bagi kebanyakan pengkaji sejarah, inilah asal usul nama Bangi paling kuat daripada yang lain dan lebih rasional. Merujuk kepada kamus Indonesia dan mendapati perkataan 'bangai' bermaksud tertinggal, tersingkir atau terbiar.

Perubahan sebutan Bangai kepada Bangi mungkin juga disebabkan oleh dialek pelombong-pelombong Cina keturunan Hakka yang tidak dapat menyebutnya dengan tepat.

Dalam perkataan bahasa Cina, Bangi membawa maksud serba sesuai. Nama tersebut turut didapati di Hong Kong kerana maksud yang bagus.

Seperti kebanyakan asal usul nama di tempat-tempat lain, tiada perkataan yang benar-benar tepat kepada maksud 'Bangi' ini, yang penting nama Bangi ini telah dikenali di seluruh negara walaupun tempat asalnya bermula agak terpencil tetapi dalam usia 100 tahun, Bangi telah berkembang dan bertambah luas kawasannya.

KAMPUNG  
BANGI

BANGI BANDAR ILMU

**Author: KampungBangi**


[VIEW ALL POSTS](#)

*Next Post*

**STRUKTUR ORGANISASI  
KAMPUNG BANGI**



## Leave a Reply



Enter your comment here...

## *Mengenai Kami*

Kumpulan Amal  
Bakti di bawah  
Projek  
Pembangunan  
Laman Sesawang  
Kampung Bangi  
sebagai tuntutan  
kursus LMCR 2272  
Apresiasi Teknologi  
Maklumat, Pusat  
Citra Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia, (UKM)  
telah melaksanakan  
tugasan bina laman  
sesawang Kampung  
Bangi untuk  
kemudahan  
teknologi  
maklumat  
penduduk  
Kampung Bangi.

---

Blog at WordPress.com.

PRIVACY & COOKIES. This site uses cookies. By continuing to use this website, you agree to their use.  
To find out more, including how to control cookies, see here: [Cookie Policy](#)

Close and accept